

- 1 .١ الحياة اليومية للطلبة
- 2 .٢ محاسن شبكة الإنترنت لدى الطلاب
- 3 .٣ الرياضة ضرورية في حياة الإنسان
- 4 .٤ كيفية إعداد السلطة الصحية
- 5 .٥ الرياضة
- 7 .٦ الحياة في سكن الطلبة
- 8 .٧ الإرشاد لحماية عن فيروسات الحاسوب
- 9 .٨ الاحتفال بعيد المعلمين
- 13 .٩ دار الأيتام
- 15 .١٠ المحافظة على الصحة
- 18 .١١ البرامج الدراسية في المدرسة
- 19 .١٢ الأنشطة في العطلة
- 20 .١٣ المدرسة
- 21 .١٤ يوم التسجيل المدرسي / الجامعي
- 23 .١٥ مشروع مساعدة المحتاجين
- 24 .١٦ واجبات الأبناء نحو الوالدين
- 25 .١٧ caro nok reko karangan lagu ni


BAHASA ARAB

SPM
(KSSM)

(الإنشاء الموجه)

1. Tulis karangan pendek berdasarkan rajah berikut, di mana bilangan perkataannya tidak kurang daripada 40 patah perkataan.

أ اكتب عن هذا الرسم ما لا يقل عدد كلماته عن ٤٠ كلمة في فقرة واحدة .



[10 markah]

[١٠ درجات]


Jawapan:

الإجابة:

Saya pelajar tahun lima. Saya ingin berkongsi dengan anda sekarang tentang kehidupan seharian saya sebagai seorang pelajar. Saya bangun awal setiap pagi, dan saya menunaikan solat malam dan solat subuh berjemaah bersama keluarga setiap hari. Selesai solat saya menyiapkan diri dan mengambil sarapan pagi yang telah disediakan oleh ibu saya yang disayangi. Selepas itu, saya pergi ke sekolah dengan menaiki kereta ayah saya. Di sekolah, saya mengikuti sesi pengajian bermula dari jam 7.30 pagi hingga 2.30 petang. Kemudian pada sebelah petang saya bersukan dengan berbasikal bersama kawan-kawan. Pada sebelah malam pula, saya mengisi masa lapang dengan membaca dan mengulang kaji mata pelajaran kerana saya akan menghadapi Peperiksaan Sijil pelajaran Malaysia pada tahun ini. Saya akan berusaha bersungguh-sungguh dalam pelajaran agar saya memperolehi kecemerlangan dalam pelajaran dan mencapai cita-cita dan azam pada masa hadapan. Sesiapa yang berusaha maka ia akan berjaya, sesiapa yang menabur benih maka ia akan menuai hasilnya, sesiapa yang menempuh jalan yang betul maka ia akan tiba ke destinasiya.

أنا طالب في السنة الخامسة. أريد أن أشارك معكم الآن عن حياتي اليومية كالتالي. إنني أقوم من النوم مبكراً في كل صباح، وألتزم بقيام الليل وصلاة الصبح جماعة مع الأسرة كل يوم. بعد الصلاة أقوم بإعداد النفس وأتناول الفطور الذي طبخته أمي المحبوبة. بعد ذلك أنطلق إلى المدرسة بسيارة أبي. في المدرسة أشترك في البرامج المدرسية من الساعة السابعة والنصف صباحاً حتى الساعة الثانية والنصف مساءً. ثم في المساء أمارس الرياضة التي أحبها وهي ركوب الدراجة مع الأصدقاء. أما في الليل، أملأ الأوقات بالمطالعة والمراجعة للمواد الدراسية لأنني سأواجه امتحان الشهادة الثانوية الماليزية بهذه السنة. سأجتهد اجتهداً في دراستي حتى أتفوق في الدراسة وأحقق الأمنية والعزم في المستقبل. من جد وجد ومن زرع حصد ومن سار على الدرب وصل.

1. Tulis karangan pendek berdasarkan rajah berikut, di mana bilangan perkataannya tidak kurang daripada 40 patah perkataan.




[10 darjah]

Jawapan:

Tidak dinafikan bahawa Internet mempunyai kepentingan yang besar dan banyak kelebihan untuk orang ramai terutamanya pelajar. Pelajar perlu menggunakan Internet agar dapat melayari laman web pendidikan bagi menyiapkan beberapa tugas harian dan memudahkan berkomunikasi antara satu sama lain pada setiap hari dengan lebih cepat. Di samping itu mereka dapat berkongsi dalam kumpulan komunikasi dan multimedia yang ada di laman web pendidikan. Laman pendidikan terkenal ini begitu banyak, antaranya laman untuk pelajar, guru, peperiksaan dan sebagainya. Mereka mendapat manfaat daripada menggunakannya, antaranya dapat memuat turun maklumat seperti nota, latihan berkaitan pelajaran dan seumpamanya.

②

أ اكتب عن هذا الرسم ما لا يقل عدد كلماته عن ٤٠ كلمة في فقرة واحدة .



[١٠ درجات]

الإجابة:

لا شك أن شبكة الإنترنت لها أهميات كبيرة ومحاسن كثيرة لدى الناس لا سيما الطلاب. يحتاج الطلاب إلى استخدام شبكة الإنترنت لكي يستطيعوا استخدام المواقع التعليمية لإتمام العديد من الدراسة اليومية وتسهيل العمليات اليومية للاتصال بين الآخرين بشكل أسرع بالإضافة إلى اشتراكهم في لجنة الاتصالات والوسائط المتعددة في المواقع التعليمية. هذه المواقع التعليمية المشهورة كثيرة منها مواقع للطلاب والمعلمين والامتحان وهم جرا. ويستفيدون من استخدامها استفادة منها تنزيل المعلومات مثل المذكرات والتدريبات عن الدراسة وما أشبه ذلك.

1. Tulis karangan pendek berdasarkan rajah berikut, di mana bilangan perkataannya tidak kurang daripada 40 patah perkataan.


[10 darjah]

Jawapan:

Sukan adalah penting dalam kehidupan manusia untuk kesihatan badan dan minda, sebagaimana yang dikatakan oleh bijak pandai: "Minda yang sihat berada pada tubuh yang sihat." Orang ramai bersenam setiap pagi dan petang di taman atau tepi tasik bersama keluarga, anak dan rakan mereka pada hujung minggu atau hari cuti. Ada di antara mereka yang berjoging di laluan khas di taman dan ada yang melakukan senaman kecergasan secara kumpulan. Manakala kanak-kanak pula, mereka bermain pelbagai permainan antaranya bermain buaian dengan seronok dan gembira sambil diawasi oleh ibu bapa. Selepas penat bersukan, mereka berehat di bangku yang disediakan sambil membaca surat khabar.

3

أ اكتب عن هذا الرسم ما لا يقل عدد كلماته عن ٤٠ كلمة في فقرة واحدة .




[١٠ درجات]

الإجابة:

إن الرياضة ضرورية في حياة الإنسان لصحة الأبدان والعقول كما قال الحكماء: "العقل السليم في الجسم السليم". يمارس الناس الرياضة كل صباح ومساء في الحديقة أو جانب البحيرة مع أسرهم وأولادهم وأصدقائهم في نهاية الأسبوع أو العطلة. بعضهم يجرون على الطريق الخاص في الحديقة وبعض الآخر يقومون بممارسة اللياقة البدنية بشكل جماعي. أما الأولاد والبنات فهم يلعبون الألعاب المختلفة منها التآرجح بالسرور والفرح والسعادة مع مراقبة الآباء والأمهات. وبعد تعبهم من الرياضة بإمكانهم الاستراحة على المقعد المعد ويقرؤون الجريدة.

1. Tulis karangan pendek berdasarkan rajah berikut, di mana bilangan perkataannya tidak kurang daripada 40 patah perkataan.

Bagaimana untuk menyediakan salad yang sihat



Kandungan:

- 3 biji cili api
- 2 biji tomato
- 1 biji timun
- Garam
- 1 biji bawang
- Satu sudu air perahan lemon

[10 markah]


Jawapan:

Ini adalah cara menyediakan sajian salad yang berzat. Kita memulakannya dengan membasuh sayur-sayuran dengan air, kemudian kita mengupas kulit timun dan memotongnya bersama tomato, timun dan lada menjadi potongan kecil, dan seterusnya kita hiris halus bawang. Kita sediakan pinggan untuk menyediakan salad. Kita masukkan semua sayur-sayuran yang telah siap di atas pinggan tersebut. Kita teruskan dengan menabur di atas salad sayuran itu dengan garam dan kita tambahkan satu sudu perahan lemon, kemudian kacau sehingga semua bahan tersebut bercampur dengan sempurna. Sekarang salad yang berzat sedia untuk dihidangkan sebagai ulam yang sihat di atas meja makan keluarga anda.

4

أ اكتب عن هذا الرسم ما لا يقل عدد كلماته عن ٤٠ كلمة في فقرة واحدة .

كيفية إعداد السلطة الصحية



المكونات:

- ٣ حبات فلفل حار
- ٢ حبات من طماطم
- ١ حبة خيار
- ملح
- ١ حبة البصل
- ملعقة واحدة من عصير الليمون

[١٠ درجات]

الإجابة:

هذه هي كيفية إعداد السلطة الصحية. نبدأها بغسل الخضروات بالماء الجاري، ثم نقوم بقشر حبة خيار وتقطيعها مع الطماطم والخيار والفلفل إلى مكعبات صغيرة، وبعد ذلك نقوم ببشر البصل. ثم نحضر طبق السلطة ونضع فيها جميع الخضروات بعد تجهيزها. نستمر إعدادها بتتبيل السلطة الخضراء بالملح ونضيف ملعقة واحدة من عصير الليمون ونقلبها حتى تختلط كل المكونات وتتجانس معا. والآن السلطة الصحية جاهزة للتقديم كطبق جانبي صحي على مائدة أسرتك.

1. Tulis karangan pendek berdasarkan rajah berikut, di mana bilangan perkataannya tidak kurang daripada 40 patah perkataan.




[10 markah]

Jawapan :

Sukan kegemaran saya ialah menunggang basikal (sukan berbasikal). Saya menunggang basikal pada waktu petang setiap hari selama sejam dari pukul 5.00 hingga 6.00 petang. Saya meminati sukan ini kerana ia dapat mengaktifkan minda dan badan. Dalam masa yang sama ianya memberi peluang kepada saya untuk melihat pemandangan indah di sekitar kampung bersama rakan-rakan. Ayah saya telah membelikan saya basikal baru pada tahun lepas sebagai hadiah pada hari lahir saya. Saya sangat gembira dengan hadiah tersebut. Kebiasaannya, setiap petang, saya berkumpul dengan kawan-kawan di taman botani berhampiran rumah saya, kemudian kami menunggang basikal bersama-sama mengelilingi kampung. Kami sangat menyukai hobi ini.

5

أ اكتب عن هذا الرسم ما لا يقل عدد كلماته عن ٤٠ كلمة في فقرة واحدة.




[١٠ درجات]

الإجابة :

رياضتي المفضلة هي ركوب الدراجة. أمارسها كل مساء يوميا لمدة ساعة من الساعة الخامسة إلى الساعة السادسة مساء. أحب هذه الرياضة لأنها تنشط العقل والجسم وفي نفس الوقت تعطي لي الفرصة لمشاهدة المناظر الطبيعية الممتعة حول القرية مع الأصدقاء، لقد اشترى أبي دراجة جديدة لي في السنة الماضية هدية بمناسبة عيد ميلادي وأنا مسرور جدا بذلك العطاء. عادة، كل مساء، أجتمع مع الأصدقاء في الحديقة النباتية قريبا من بيتي، ثم نركب الدراجة معا حول القرية. نحب هوايتنا هذا جدا جدا.

1. Tulis karangan pendek berdasarkan rajah berikut, di mana bilangan perkataannya tidak kurang daripada 40 patah perkataan.




[10 Markah]

Jawapan:

Sukacita dimaklumkan bahawa sekolah saya Kolej Islam Sultan Alam Shah telah mengadakan lawatan sukan ke Taman Tasik Shah Alam. Taman ini adalah taman yang cantik dan luas. Lawatan ini telah diadakan pada hari Ahad, 9 Januari 2022. Lawatan ini masanya bermula pada 8.00 pagi sehingga 2.00 petang. 20 orang pelajar lelaki dan perempuan dari tingkatan 4 menyertai lawatan ini dan 3 orang guru mengiringi mereka. Matlamat lawatan ini adalah untuk memberi galakan kepada para pelajar agar sentiasa bersenam dan mengamalkan gaya hidup sihat. Aktiviti yang dijalankan dalam lawatan ini termasuklah berjalan di sekitar taman ini, berlari, menunggang basikal dan makan tengah hari secara berkumpulan sebelum pulang. Peserta lelaki dan perempuan begitu gembira dengan perjalanan yang menyeronokkan ini.

أ أ أكتب عن هذا الرسم ما لا يقل عدد كلماته عن ٤٠ كلمة في فقرة واحدة.




[١٠ درجات]

الإجابة:

يسرني أن أخبركم أن مدرستي كلية السلطان عالم شاه الإسلامية قد أقامت رحلة رياضية إلى حديقة تاسيق شاه عالم. هذه الحديقة حديقة جميلة وواسعة. تقام هذه الرحلة في يوم الأحد ٩ يناير ٢٠٢٢. تبدأ الرحلة من الساعة الثامنة صباحا حتى الساعة الثانية مساء. اشترك في هذه الرحلة عشرون طالبا و عشرون طالبة من السنة الرابعة الثانوية الجدد ورافقهم ثلاثة معلمين. إن هدف الرحلة هو تشجيع الطلبة على ممارسة الرياضة والالتزام بأسلوب الحياة الصحي. تكون الأنشطة التي تقام في هذه الرحلة منها الجولة حول الحديقة، المشي السريع وركوب الدراجة والغداء الجماعي قبل الرجوع. المشاركون والمشاركات هم مسرورون هذه الرحلة الممتعة.

1. Tulis karangan pendek berdasarkan rajah berikut, di mana bilangan perkataannya tidak kurang daripada 40 patah perkataan.




[10 markah]

Jawapan :

Saya merupakan pelajar tingkatan 5 Kolej Islam Sultan Alam Shah. Sekolah ini merupakan sekolah berasrama penuh di Malaysia. Jadi saya tinggal di asrama pelajar dan saya berasa gembira dan suka kerana kehidupan di asrama adalah menyeronokkan dan penuh dengan pengalaman yang bernilai. Kehidupan harian di sini telah disusun dan berjadual bagi setiap pelajar. Kami bangun awal pagi, dan sentiasa melakukan solat berjemaah dan membaca Al-Quran setiap hari. Program sekolah di sini juga dianjurkan untuk semua pelajar. Kami belajar di dalam kelas bermula dari 7:30 pagi hingga 2:30 petang. Kemudian di sebelah petang kami ada kelas tambahan atau aktiviti kokurikulum. Saya bersyukur kepada Allah swt kerana memberi peluang saya belajar di sini. Saya akan berusaha bersungguh-sungguh dalam pelajaran agar saya memperolehi kecemerlang dalam pelajaran dan dalam kehidupan. Sesiapa yang berusaha maka ia akan berjaya, sesiapa yang menabur benih maka ia akan menuai hasilnya, sesiapa yang menempuh jalan yang betul maka ia akan tiba ke destinasi.

⑥

أ اكتب عن هذا الرسم ما لا يقل عدد كلماته عن ٤٠ كلمة في فقرة واحدة.




[١٠ درجات]

الإجابة :

أنا طالب للسنة الخامسة في كلية السلطان عالم شاه الإسلامية. هذه المدرسة من مدارس ذات القسم الداخلي الشامل في ماليزيا. لذلك أسكن في سكن الطلبة وأشعر بالسرور والفرح لأن الحياة في السكن الداخلي ممتعة ومليئة بالخبرات الجيدة. الحياة اليومية هنا مجدولة ومبرمجة لكل طلبة. فنحن نستيقظ مبكرا في الصباح، ونتنزم بقيام الليل وصلاة الجماعة وتدارس القرآن كل يوم. البرامج الدراسية هنا أيضا منظمة لجميع الطلبة. فنحن ندرس المواد الدراسية في الفصول من الساعة السابعة والنصف صباحا حتى الساعة الثانية والنصف مساء. ثم في القسم المسائي يكون لدينا الفصول الإضافية أو الأنشطة اللاصفية. أشكر الله عز وجل لأنني أدرس هنا وسأجتهد اجتهادا في دراستي حتى أتفوق في الدراسة وفي الحياة. من جد وجد ومن زرع حصد ومن سار على الدرب وصل.

1. Tulis karangan pendek berdasarkan rajah berikut, di mana bilangan perkataannya tidak kurang daripada 40 patah perkataan.




[10 markah]

Jawapan :

Tidak dinafikan bahawa penggunaan komputer dan Internet tentunya akan mendedahkan kita kepada pelbagai virus yang menyebabkan computer tidak berfungsi. Bagaimana kita hendak mengatasi masalah rumit ini? Kita boleh melindungi komputer daripada virus dengan menyimpan salinan maklumat penting. Kita juga perlu membeli program antivirus. Apabila melayari Internet, kita perlu menjauhi laman web yang diragui. Kita tidak boleh membuka fail yang tidak dikenali semasa menggunakan computer. Kita tidak boleh membuka e-mel yang tidak diketahui. Ini adalah arahan untuk melindungi peranti daripada virus komputer.

⑦

أكتب عن هذا الرسم ما لا يقل عدد كلماته عن ٤٠ كلمة في فقرة واحدة .



[١٠ درجات]

الإجابة :

لا شك ولا ريب أن استخدام الحاسوب وشبكة الإنترنت بشكل خاص يعرضنا إلى الفيروسات المختلفة التي تؤدي إلى تعطل الجهاز. فكيف نتخلص من هذه المشكلة الخطيرة؟ نستطيع حماية الحاسوب من فيروسات بملازمة الاحتفاظ بنسخ احتياطية من المعلومات المهمة. ونحتاج أيضا إلى شراء برنامج مضاد فيروسات. وعندما نتصفح في مواقع الإنترنت علينا الابتعاد عن المواقع الإلكترونية غير الموثوق بها. ويجب علينا ألا نفتح الملفات غير المألوفة عند استعمال الحاسوب وألا نفتح الإيميلات غير المعروفة. فهذه هي الإرشادات لحماية الجهاز عن فيروسات الحاسوب.

1. Tulis karangan pendek berdasarkan rajah berikut, di mana bilangan perkataannya tidak kurang daripada 40 patah perkataan.




[10 markah]

Jawapan :

Sekolah saya telah mengadakan sambutan Hari Guru pada minggu lepas 16 Mei 2021, bermula dari jam 8:00 pagi hingga 12:30 tengah hari. Antara tetamu kehormat yang hadir pada sambutan tersebut ialah Menteri Pelajaran, Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), pengetua sekolah saya serta guru-guru. Menteri Pelajaran menyampaikan ucapan perasmian pada majlis tersebut. Kemudian beliau mengagihkan hadiah dan cenderahati kepada guru-guru. Kemudian selepas itu, semua orang menuju ke padang permainan sekolah untuk menyertai pelbagai pertandingan dan perlawanan yang dianjurkan oleh pelajar-pelajar.

8

أ اكتب عن هذا الرسم ما لا يقل عدد كلماته عن ٤٠ كلمة في فترة واحدة.




[١٠ درجات]

الإجابة :

أقامت مدرستي الاحتفال بعيد المعلمين في الأسبوع الماضي ١٦ مايو ٢٠٢١ من الساعة ٨،٠٠ صباحا حتى الساعة ١٢،٣٠ ظهرا. من الضيوف الشرف الذين حضروا الاحتفال هم وزير التربية ورئيس جمعية الآباء والمعلمين ومدير مدرستي وكذلك المعلمون والمعلمات. وقد قام وزير التربية بإلقاء كلمة الافتتاح في هذا المجلس. ثم يوزع الجوائز والهدايا للمعلمين. بعد ذلك اتجه الجميع إلى ملعب المدرسة للاشتراك في المسابقات والمباريات المختلفة التي ينظمها الطلاب والطالبات.

1. Tulis karangan pendek berdasarkan rajah berikut, di mana bilangan perkataannya tidak kurang daripada 40 patah perkataan.




[10 Markah]

Jawapan:

Semua orang telah maklum bahawa guru adalah kumpulan penting dalam kehidupan pendidikan kita. Sekolah saya telah meraikan Hari Guru pada hari Isnin, 16 Mei 2022. Sambutan itu diadakan di Dewan Utama Sekolah iaitu Dewan Al-Bukhari. Majlis ini dirasmikan oleh Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru, Encik Mohamed bin Ibrahim. Dalam sambutan yang begitu meriah ini, banyak aktiviti diadakan. Iany bermula dengan majlis perasmian pada pukul 9.00 pagi yang diadakan di dalam dewan sehinggalah aktiviti di luar dewan seperti permainan sukan di padang dan di dewan terbuka. Majlis ini diakhiri dengan acara penyampaian hadiah kepada semua guru. Kegembiraan jelas terpancar di wajah para guru. Pada sambutan ini, pelajar dapat menghargai jasa guru lelaki dan perempuan serta pengorbanan mereka yang begitu banyak dalam melahirkan generasi terpelajar.

أكتب عن هذا الرسم ما لا يقل عدد كلماته عن ٤٠ كلمة في فقرة واحدة.




[١٠ درجات]

الإجابة:

ومن المعلوم لدى الجميع أن المعلمين فئة مهمة في حياتنا الدراسية. إن مدرستي نحتفل بعيد المعلمين في يوم الإثنين ١٦ مايو ٢٠٢٢. أقيم الاحتفال في قاعة المدرسة الكبرى اسمها قاعة "البخاري". يفتتح هذا الاحتفال رئيس جمعية الآباء والمعلمين السيد محمد بن إبراهيم. وفي هذا الاحتفال الممتع أنشطة كثيرة ابتداء من مجلس الافتتاح في الساعة التاسعة التي تجري في داخل القاعة حتى تتم الأنشطة خارج القاعة مثل اللعبة الرياضية في الملعب وفي القاعة المفتوحة، ويختتم هذا الاحتفال بتوزيع الهدايا إلى المعلمين والمعلمات كلهم. ويظهر الفرح في وجوه المعلمين. وفي هذا الاحتفال يستطيع الطلاب أن يقدروا خدمة المعلمين والمعلمات وتضحيتهم الوفيرة في توليد الجيل المتقف.

1. Tulis karangan pendek berdasarkan rajah berikut, di mana bilangan perkataannya tidak kurang daripada 40 patah perkataan.




[10 Markah]

Jawapan:

SAMBUTAN HARI GURU

Sekolah saya telah mengadakan sambutan hari guru minggu lepas. Majlis tersebut diadakan pada hari Ahad, 1 Januari 2022. Antara tujuan sambutan ini adalah untuk menghargai segala usaha guru-guru. Majlis ini dihadiri oleh guru-guru, pelajar-pelajar dan para tetamu kehormat. Banyak aktiviti diadakan sempena majlis tersebut seperti majlis perasmian di dewan sekolah, aktiviti sukan dan pelbagai persembahan. Pada akhir majlis tersebut, pengetua sekolah menyampaikan hadiah dan cenderahati kepada guru-guru.

أ اكتب عن هذا الرسم ما لا يقل عدد كلماته عن ٤٠ كلمة في فقرة واحدة .




[١٠ درجات]

الإجابة:

الاحتفال بعيد المعلمين

أقامت مدرستي الاحتفال بعيد المعلمين في الأسبوع الماضي. وذلك في يوم الأحد الموافق بـ ١ يناير عام ٢٠٢٢. ومن بين أهداف هذا الاحتفال تقدير وشكر على جهود المعلمين والمعلمات. وحضر في هذا الاحتفال جميع المعلمين والطلبة والضيوف. وتقام الأنشطة العديدة مثل المجلس الرسمي في القاعة والرياضة والمأدبة المتنوعة. وفي ختام الاحتفال ورّع مدير المدرسة الجوائز والهدايا للمعلمين والمعلمات.

1. Tulis karangan pendek berdasarkan rajah berikut, di mana bilangan perkataannya tidak kurang daripada 40 patah perkataan.




[10 markah]

Jawapan:

Sekolah saya telah mengadakan sambutan Hari Guru pada 16 Mei 2021 di dewan sekolah. Sambutan ini bertujuan menghargai jasa dan pengorbanan guru-guru yang memerah keringat untuk melahirkan generasi berjaya pada masa hadapan. Para guru dan pelajar berkumpul di dewan pada jam 8.00 pagi. Tetamu terhormat seperti Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa (PIBG), guru-guru serta pemimpin tempatan turut hadir ke majlis ini. Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu "Negaraku", lagu negeri, lagu sekolah, dan lagu hari guru. Selepas itu pengetua menyampaikan ucapan dan menyatakan terima kasih kepada guru-guru. Kemudian beberapa orang guru dan pelajar mempamerkan persembahan mereka di pentas seperti persembahan teater, lawak jenaka, nyanyian dan sebagainya. Pengerusi majlis kemudiannya menjemput Pengetua Sekolah untuk menyampaikan cenderahati dan hadiah kepada guru-guru kami yang telah lama berkhidmat di sekolah kami. Pihak sekolah telah memilih Encik Umar sebagai guru terbaik tahun ini. Semua tetamu dan guru dijemput ke kantin selepas selesai acara penyampaian hadiah untuk jamuan ringan. Majlis sambutan Hari Guru berakhir pada jam 1 petang.

أ اكتب عن هذا الرسم ما لا يقل عدد كلماته عن ٤٠ في فقرة واحدة.




[١٠ درجات]

الإجابة:

أقامت مدرستي احتفالا بعيد المعلمين في ١٦ من مايو سنة ٢٠٢١ في قاعة المدرسة. يهدف هذا الاحتفال إلى تقدير خدمة المعلمين والمعلمات وتضحياتهم من أجل توليد الجيل الموثوق به في المستقبل. اجتمع المعلمون والطلبة في القاعة في الساعة الثامنة صباحا. لقد حضر الضيوف الكرام من رئيس جمعية الآباء والمعلمين وزعماء القرية إلى هذه الحفلة. بدأت الحفلة بأغنية الغناء "بلدي" وأغنية الولاية وأغنية المدرسة وأغنية عيد المعلمين. وبعد ذلك ألقى المدير كلمته وأظهر عن امتنانه للمعلمين. ثم قام المعلمون والطلبة بعرض على المنصة مثل المسرحية والنكات والنشيد وغير ذلك. بعد ذلك نادي رئيس الجلسة مدير المدرسة لتقديم الهدايا والجوائز لمعلمينا الذين خدموا لفترة طويلة في مدرستنا واختارت المدرسة السيد عمر كمدرس مثالي لهذا العام. وتمت دعوة جميع المدعووين والمعلمين إلى المطعم بعد تسليم الهدايا لتناول وجبة خفيفة. انتهت الحفلة في الساعة الواحدة ظهرا.

1. Tulis karangan pendek berdasarkan rajah berikut, di mana bilangan perkataannya tidak kurang daripada 40 patah perkataan.




[10 markah]

Jawapan :

Minggu lepas saya telah menyertai program amal ke rumah anak yatim Bait Al Izzah yang terletak berhampiran dengan sekolah saya. Rumah anak yatim ini diasaskan oleh seorang dermawan yang kaya bernama Abdul Rahman. Beliau merupakan pengarah sebuah syarikat perniagaan yang besar di Malaysia. Rumah anak yatim ini ditubuhkan pada tahun 2015 bertujuan untuk menjaga anak-anak yatim yang kehilangan ibu bapa serta membesarkan mereka dengan cara Islam agar menjadi insan yang berbakti kepada agama dan negara. Rumah anak yatim ini terdiri daripada dua bangunan yang menempatkan 50 orang anak yatim lelaki dan 50 orang anak yatim perempuan serta 4 orang penyelia lelaki dan perempuan. Penyelia-penyelia ini bertanggungjawab menguruskan hal ehwal anak yatim di sana. Rumah anak yatim ini mempunyai keistimewaan dengan kemudahan yang moden yang disediakan untuk anak yatim, seperti komputer, Internet, dan lain-lain. Rumah anak yatim ini juga mempunyai bas khas yang digunakan sebagai pengangkutan untuk anak-anak yatim. Saya berasa bangga dan kagum dengan apa yang dilakukan oleh pengasas rumah ini.

9

أ اكتب عن هذا الرسم ما لا يقل عدد كلماته عن ٤٠ كلمة في فقرة واحدة .



[١٠ درجات]

الإجابة :

في الأسبوع الماضي، لقد اشتركت في البرنامج الخيرية إلى دار الأيتام بيت العزة الذي يقع قريبا من مدرستي. هذا الدار أسسه الغني المنفق اسمه عبد الرحمن وهو كان مدير الشركة التجارية الكبيرة في ماليزيا. وقد أسسه في سنة ٢٠١٥ ويهدف إلى رعاية الأيتام واليتامى الذين فقدوا الآباء والأمهات وتربيتهم تربية إسلامية حتى يصبحوا أناسا صالحين لخدمة الدين والوطن. هذا الدار الذي يتكون من مئتين اثنين سكن فيه ٥٠ يتيما و ٥٠ يتيمة ومعهم ٤ مشرفين ومشرفات وهم مسؤولون في إدارة شؤون الأيتام هناك. يتميز هذا الدار بالتسهيلات الحديثة التي يعدها للأيتام وعلى سبيل المثال الحاسوب وشبكة الإنترنت وغيرها. هذا الدار أيضا فيها حافلة خاصة التي تستخدم كوسيلة النقل للأيتام. شعرت بالفخر والعزة بما فعله مؤسس هذا الدار.

1. Tulis karangan pendek berdasarkan rajah berikut, di mana bilangan perkataannya tidak kurang daripada 40 patah perkataan.

أ اكتب عن هذا الرسم ما لا يقل عدد كلماته عن ٤٠ كلمة في فقرة واحدة .



[10 Markah]

[١٠ درجات]

Jawapan:

الإجابة:

Gambar ini menceritakan pada kita tentang program gotong royong di rumah anak yatim. Ustaz Yusuf menyelia pelajar-pelajar membersihkan rumah anak yatim. Setiap pelajar diberi tugas masing-masing. Muhammad mengelap tingkap. Ahmad membuang daun-daun pokok yang luruh ke dalam tong sampah. Manakala Fatimah pula, dia menyapu sampah dan rakannya Zainab mencuci lantai dan membersihkannya dengan air. Selepas program gotong royong membersihkan rumah anak yatim tersebut, maka rumah tersebut telah menjadi bersih dan cantik.

هذه الصورة تحكي لنا عن برنامج التعاون في دار الأيتام. الأستاذ يوسف يشرف الأولاد والبنات في تنظيف دار الأيتام. لكل أولاد وظيفتهم الخاصة بهم. محمد يمسح النافذة. وأحمد يرمي أوراق الشجرة في المزيلة. أما فاطمة تكس القمامة. وزميلتها زينب تمسح الأرضية وتنظيفها بالماء. وبعد عملية التنظيف صار دار الأيتام نظيفا وجميلا.

1. Tulis karangan pendek berdasarkan rajah berikut, di mana bilangan perkataannya tidak kurang daripada 40 patah perkataan.

MINGGU KESIHATAN

Tarikh : 6 – 12 Mac 2021
(Isnin – Ahad)
Masa : 9.00 pg – 5.00 ptg
Tempat : Dewan Perbandaran



Aktiviti Sepanjang Minggu:

1. Pameran alat pelangsingan badan dan diet
2. Pemeriksaan Kesihatan
3. Nasihat dan Panduan pemakanan dan penjagaan kesihatan
4. Pertandingan Larian Terbuka

[10 markah]

Jawapan:

Kementerian Kesihatan telah mengadakan Minggu Kesihatan bermula dari 2 Mac 2021 hingga 6 Mac 2021. Program ini bermula dari jam 9 pagi hingga 5 petang setiap hari dan diadakan di dewan perbandaran. Kementerian kesihatan telah menganjurkan pelbagai aktiviti sepanjang minggu ini. Antaranya aktiviti tersebut ialah pemeriksaan kesihatan, nasihat pemakanan dan kesihatan serta kaunseling. Terdapat juga tawaran harga untuk peralatan pelangsingan badan dan diet bagi mereka yang ingin membelinya dengan potongan harga 50% untuk peralatan terpilih. Di samping itu, Kementerian kesihatan juga mengadakan perlumbaan larian terbuka untuk menggalakkan semua orang bersenam.

10

أ أكتب عن هذا الرسم ما لا يقل عدد كلماته عن ٤٠ كلمة في فقرة واحدة .

الأسبوع الصحي

التاريخ: ٦ - ١٢ مارس ٢٠٢١

(يوم الإثنين - يوم الأحد)

الساعة: ٩,٠٠ صباحا - ٥,٠٠ مساء يوميا

المكان: القاعة البلدية



الأنشطة خلال الأسبوع:


١. عروض جهاز التخفيف والنحت للجسم
٢. الفحوص الطبية
٣. ارشادات واستشارات غذائية وصحية
٤. سباق الجري المفتوح

[١٠ درجات]

الإجابة:

أقامت وزارة الصحة الأسبوع الصحي في ٢ مارس ٢٠٢١ حتى ٦ مارس ٢٠٢١. ابتداءً هذا البرنامج من الساعة التاسعة صباحاً لغاية الساعة الخامسة مساءً يوميا ويقام في القاعة البلدية. لقد نظمت الوزارة الأنشطة المختلفة خلال هذا الأسبوع. من هذه الأنشطة الفحوص الطبية وإرشادات واستشارات غذائية وصحية. وهناك أيضا عروض لجهاز التخفيف والنحت للجسم لمن يريد شراءه بخصم ٥٠% للأجهزة المختارة. وبجانب ذلك أقامت الوزارة سباق الجري المفتوح تشجيعا للجميع على ممارسة الرياضة .

1. Tulis karangan pendek berdasarkan rajah berikut, di mana bilangan perkataannya tidak kurang daripada 40 patah perkataan.




[10 Markah]

Jawapan:

Seperti yang kita semua sedia maklum bahawa kesihatan adalah salah satu perkara penting dalam kehidupan seharian kita. Ini kerana kesihatan adalah kekayaan Manusia yang begitu berharga yang mesti kita pelihara. Terdapat banyak dan pelbagai cara untuk mengekalkan kesihatan. Perkara yang paling penting ialah makan makanan seimbang, seperti mengambil makanan yang baik yang memberi manfaat kepada kesihatan, kecergasan badan dan minda kita. Untuk mengekalkan kesihatan fizikal dan mental, kita perlu bersenam setiap hari. Ini kerana minda yang sihat berada dalam badan yang sihat. Selain itu, kita perlu berjumpa doktor untuk melakukan pemeriksaan kesihatan secara berkala. Tiada yang menafikan bahawa menjaga dan mengambil berat terhadap kebersihan adalah sangat penting bagi mengekalkan kesihatan harian kita. Ini kerana Islam menggalakkan umatnya agar menjaga kebersihan. Sesungguhnya kebersihan itu adalah sebahagian daripada Iman.

أ اكتب عن هذا الرسم ما لا يقل عدد كلماته عن ٤٠ كلمة في فقرة واحدة .




[١٠ درجات]

الإجابة :

كما عرفنا جميعاً أن الصحة من أمور مهمة في حياتنا اليومية. ذلك لأن الصحة ثروة الإنسان الثمينة التي يجب علينا أن نحافظ عليها. وهناك كيفية المحافظة على الصحة كثيرة ومتنوعة . وأهمها تناول الأغذية المتوازنة مثل أخذ الأطعمة الصحية التي تفيد لصحة و نشاط أبداننا وعقولنا. ولضمان صحتنا الجسدية والعقلية علينا أن نمارس الرياضة كل يوم. ذلك لأن العقل السليم في الجسم السليم. وإضافة إلى ذلك، ينبغي علينا أن نقابل الطبيب لإجراء الفحص الصحي بطريقة منتظمة. ولا ينبغي أحد أن يلتزم بالنظافة أمر ضروري لضمان صحتنا اليومية. ذلك لأن الإسلام يحث أمته بالمحافظة على النظافة. إن النظافة من الإيمان.

1. Tulis karangan pendek berdasarkan rajah berikut, di mana bilangan perkataannya tidak kurang daripada 40 patah perkataan.




[10 Markah]

Jawapan:

KEMPEN MENJAGA KESIHATAN

Sekolah saya telah mengadakan kempen menjaga kesihatan pada minggu lepas di peringkat sekolah bagi tahun 2021. Program itu diadakan pada hari Ahad, 1 Januari 2021. Kempen ini akan diadakan di dewan dan halaman sekolah. Pihak yang bertanggungjawab untuk kempen ini ialah Jawatankuasa Kesihatan dan Sukan. Peserta terdiri daripada pelajar-pelajar dan guru-guru. Antara matlamat kempen ini adalah untuk memelihara kesihatan tubuh badan dan minda serta menyemai sikap perihatin tentang kebersihan. Antara aktiviti sepanjang kempen ini ialah gotong royong secara kumpulan, syarahan dan sukan. Tepatlah pepatah mengatakan: "Mencegah itu lebih baik daripada mengubati".

أكتب عن هذا الرسم ما لا يقل عدد كلماته عن ٤٠ كلمة في فقرة واحدة .



[١٠ درجات]

الإجابة:

حملة المحافظة على الصحة

أقامت مدرستي حملة المحافظة على الصحة في الأسبوع الماضي على المستوى المدرسي لعام ٢٠٢١. وذلك في يوم الأحد الموافق ب ١ يناير ٢٠٢١. وتقام هذه الحملة في قاعة المدرسة وساحتها. والمسؤول لهذه الحملة لجنة الصحة والرياضة. أما المشاركون يتكونون من الطلاب والطالبات والمعلمون والمعلمات. ومن الأهداف لهذه الحملة المحافظة صحة البدن والعقل وغرس روح العناية بالنظافة. ومن بين الأنشطة طوال هذه الحملة التنظيف الجماعي والمحاضرة والرياضة. فصح القول : الوقاية خير من العلاج .

أكتب عن هذا الرسم ما لا يقل عدد كلماته عن ٤٠ كلمة في فقرة واحدة .



[10 markah]

[١٠ درجات]

Jawapan:

Proses pembelajaran di sekolah pada hari ini menampilkan aktiviti kokurikulum, begitu jugalah di sekolah saya. Aktiviti kokurikulum di sekolah saya dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu badan beruniform, persatuan dan kelab serta sukan. Antara badan beruniform yang paling popular di sekolah saya ialah Pengakap. Saya suka menyertainya kerana ia mengajar saya banyak dan berbagai kemahiran hidup seperti cara memasang khemah, menghasilkan api dengan menggunakan kayu dan sebagainya. Manakala sukan permainan, kami mempunyai kelab bola sepak, yang melatih pelajar bermain bola sepak dengan cara yang betul. Persatuan dan kelab pula, saya menyertai persatuan kebajikan yang menganjurkan pelbagai program amal di dalam dan di luar sekolah. Ini termasuk program gotong royong membersihkan sekolah, lawatan amal ke rumah jagaan orang-orang tua, mengumpul dana dan sebagainya. Ayuh marilah kita sertai aktiviti kokurikulum kerana banyak faedahnya.

الإجابة:

تتميز البرامج الدراسية في المدرسة هذا اليوم بالأنشطة اللاصفية وكذلك في مدرستي. تنقسم الأنشطة اللاصفية في مدرستي إلى ثلاثة أقسام وهي فرق الأزياء المدرسية والجمعيات والنوادي وكذلك الألعاب الرياضية. من فرق الأزياء المدرسية المشهورة في مدرستي هي فرقة الكشافة. أحب الاشتراك فيها لأنها تعلمني مهارات الحياة المتعددة المختلفة مثل طرق إقامة الخيام وإشعال النار باستخدام الحطب وهلم جرا. وأما اللعبة الرياضية عندنا نادي كرة القدم الذي قام بتدريب الطلبة في لعب كرة القدم بشكل جيد. وأما في الجمعيات والنوادي، أتنمي إلى الجمعية الخيرية التي تنظم البرامج الخيرية المختلفة داخل المدرسة وخارجها. منها التعاون الجماعي في تنظيف المدرسة والرحلة الخيرية إلى دار المسنين وجمع التبرعات وما إلى ذلك. هيا نشترك في الأنشطة اللاصفية لمنافعها الكثيرة.

1. Tulis karangan pendek berdasarkan rajah berikut, di mana bilangan perkataannya tidak kurang daripada 40 patah perkataan.



[10 markah]


Jawapan:

AKTIVITI SEMASA CUTI SEKOLAH

Seperti yang kita ketahui bahawa aktiviti semasa cuti sekolah adalah penting dan perlu dalam kehidupan pelajar. Antara aktiviti seperti menyiram bunga, membasuh pinggan mangkuk dan pakaian, bermain badminton, membaca buku, menonton TV, solat berjemaah, mengulang kaji pelajaran dan lain-lain. Kita perlu menolong ibu bapa ketika cuti sekolah. Sebagai contoh, kita membantu mereka membersihkan bilik, menyapu sampah sarap di lantai, menyusun buku dan memasak makanan bersama-sama. Kesimpulannya, aktiviti bersama keluarga ketika cuti sekolah adalah baik dan penting untuk kita dan keluarga

12

أكتب عن هذا الرسم ما لا يقل عدد كلماته عن ٤٠ كلمة في فقرة واحدة .




[١٠ درجات]

الإجابة:

الأنشطة في العطلة

من المعلوم لدينا ، إن الأنشطة في العطلة مهمة وضرورية في حياة الطلبة منها هي سقي الزهور وغسل الأواني والملابس ولعب كرة الريشة وقراءة الكتب ومشاهدة التلفاز وصلاة الجماعة ومراجعة الدروس وغير ذلك. يجب علينا أن نساعد الوالدين في العطلة . وعلى سبيل المثال، نساعدهم لتنظيف الغرف وكناسة الأرض من القمامات وترتيب الكتب وطبخ المأكولات معا. وخلاصة القول، إن الأنشطة مع العائلة والأسرة في العطلة تكون أمرا حسنا ومهما لنا وأسرتنا.

أكتب عن هذا الرسم ما لا يقل عدد كلماته عن ٤٠ كلمة
في فقرة واحدة .



[١٠ درجات]

1. Tulis karangan pendek berdasarkan rajah berikut, di mana bilangan perkataannya tidak kurang daripada 40 patah perkataan.

[10 markah]

Jawapan:

SEKOLAH

Kita mengetahui bahawa sekolah adalah penting dan perlu dalam kehidupan pelajar. Setiap pagi, pelajar pergi ke sekolah sebelum jam 7.30 pagi dengan menaiki kereta, bas, basikal, teksi dan lain-lain. Di dalam setiap kelas terdapat kerusi, meja dan papan hitam. Sebelum pulang ke rumah; pelajar-pelajar akan menyusun kerusi dan meja serta menyapu lantai bersama-sama. Cikgu Zainab mengajar pelajaran dan para pelajar mendengar penerangan guru. Perkarangan sekolah berada di hadapan pejabat pentadbiran. Pelajar-pelajar berhimpun di sana setiap hari Isnin. Akhir sekali, pelajar-pelajar amat menyukai sekolah mereka.

الإجابة:

المدرسة

من المعلوم لدينا، إن المدرسة مهمة وضرورية في حياة الطلبة. في كل صباح ، يذهب الطلبة إلى المدرسة قبل الساعة السابعة والنصف تماما بالسيارة والأتوبيس والدراجة وسيارة الأجرة وغير ذلك. لكل فصل فيه الكراسي والمكاتب والسبورة . قبل رجوع إلى البيت، هم يرتبون الكراسي والمكاتب ويكنسون الأرضية معا . تعلم المعلمة زينب الدرس وهم يستمعون إلى شرح المعلمة. وكانت ساحة المدرسة أمام الإدارة. ويجتمع الطلبة فيها كل يوم الإثنين . وأخيرا ، يجب الطلبة المدرسة حبا شديدا.

أكتب عن هذا الرسم ما لا يقل عدد كلماته عن ٤٠ كلمة
في فقرة واحدة .



[١٠ درجات]

[10 markah]

Jawapan:

الإجابة:


HARI PENDAFTARAN SEKOLAH

Kita sedia maklum, hari pendaftaran sekolah adalah penting dan perlu dalam kehidupan pelajar. Pada hari Isnin, Muhammad bersama ibu bapanya pergi ke sekolahnya untuk mendaftar diri pada hari pendaftaran sekolah jam 8 pagi. Ayah Muhammad membayar yuran pengajian kepada kerani kewangan dan guru kelas. Muhammad berbual dengan rakan-rakan barunya di hadapan kelas dengan perasaan gembira. Pelajar-pelajar baru berkumpul di dewan untuk mendengar ucapan pengetua sekolah. Kesimpulannya, Muhammad sangat gembira pada hari pendaftaran sekolahnya.

يوم التسجيل المدرسي

من المعلوم لدينا، إن يوم التسجيل المدرسي مهم
وضروري في حياة الطلبة. في يوم الإثنين، يذهب مُحمَّد مع
الوالدين إلى مدرسته بمناسبة يوم التسجيل المدرسي في الساعة
الثامنة صباحاً. يدفع أبو مُحمَّد الرسوم الدراسية إلى أمين
الصندوق ومعلم الفصل. يتكلم مُحمَّد مع أصدقائه الجدد أمام
الفصل بالفرح. يجتمع الطلبة الجدد في القاعة ليستمعوا إلى
كلام مدير المدرسة . وأخيراً، يفرح مُحمَّد في يوم التسجيل
المدرسي فرحاً شديداً.

1. Tulis karangan pendek berdasarkan rajah berikut, di mana bilangan perkataannya tidak kurang daripada 40 patah perkataan.




[10 Markah]

Jawapan:

PihakUniversiti telah mengadakan hari pendaftaran universiti pada 22 Oktober 2021. Tempat pendaftaran adalah di Dewan Besar Universiti Malaya. Pelajar-pelajar mendaftar di Jabatan Kemasukan pelajar baru dan Pendaftaran. Pelajar dan pensyarah saling berkenalan di kolej masing-masing. Pelajar bertanya kepada pegawai tentang biasiswa selepas arahan. Pelajar mengambil bahagian dalam minggu perkenalan dan orientasi. Selepas prosedur hari pendaftaran tamat, para pelajar ke asrama untuk berehat dari kepenatan dan kebosanan.

أ اكتب عن هذا الرسم ما لا يقل عدد كلماته عن ٤٠ كلمة في فقرة واحدة .




[١٠ درجات]

الإجابة:

أقامت الجامعة يوم التسجيل الجامعي في ٢٢ أو أكتوبر عام ٢٠٢١ و مكان التسجيل في القاعة الكبرى بجامعة ملايا. يسجل الطلاب والطالبات في قسم القبول والتسجيل. يتعارف الطلبة والمحاضرون في كلياتهم. الطلبة يستفسرون الموظف عن المنحة الدراسية بعد التعليمات. الطلبة يشتركون في أسبوع التعارف والتوجيه. وبعد انتهت إجراءات يوم التسجيل الطلبة يذهبون إلى السكن الداخلي ليستريحوا من التعب والملل.

1. Tulis karangan pendek berdasarkan rajah berikut, di mana bilangan perkataannya tidak kurang daripada 40 patah perkataan.



[10 darjah]


Jawapan:

PROGRAM BANTUAN UNTUK GOLONGAN YANG MEMERLUKAN

Membantu golongan yang memerlukan adalah penting dalam kehidupan manusia dan tiada siapa yang boleh menafikannya. Pertubuhan kebajikan mengadakan program membantu golongan yang memerlukan dengan mengagihkan keperluan harian kepada golongan yang tidak berkemampuan, fakir miskin dan anak yatim. Program ini akan dijalankan pada hujung bulan. Program ini dianjurkan di rumah anak yatim di kawasan Miri. Tujuan program membantu golongan yang memerlukan ini adalah untuk menyemai semangat kerjasama dan mengeratkan hubungan sesama peserta. Anak-anak yatim merasakan gembira dan seronok dengan program seumpama ini. Pertubuhan kebajikan telah mengagihkan barangan sumbangan daripada penderma-penderma seperti makanan, peralatan sekolah, beras, dan lain-lain. Akhir sekali, program membantu golongan yang memerlukan ini mempunyai peranan dalam menyumbangkan bantuan kepada masyarakat.

15

أكتب عن هذا الرسم ما لا يقل عدد كلماته عن ٤٠ كلمة في فقرة واحدة .



[١٠ درجات]

الإجابة:

مشروع مساعدة المحتاجين

مساعدة المحتاجين ضرورية في حياة الإنسان ولا ينكرها أحد. أقامت المؤسسات الخيرية مشروع مساعدة المحتاجين بتوزيع الاحتياجات اليومية على المحتاجين من الأصناف والمساكين والفقراء والأيتام. ويكون المشروع في نهاية الشهر، نظّم هذا المشروع في دار الأيتام بمنطقة ميرى، إن الهدف من مشروع مساعدة المحتاجين غرس روح التعاون في نفوسهم وتقوية العلاقة الودية بين أفراد المشاركين. والأيتام يشعرون بالفرح والسرور بهذا المشروع. والمؤسسات الخيرية قد قاموا بتوزيع البضائع المتبرعين مثل الأطعمة والأدوات المدرسية والأرز وغير ذلك. وختاماً، أن مشروع مساعدة المحتاجين له دور في مساهمة المساعدة للمجتمع.

1. Tulis karangan pendek berdasarkan rajah berikut, di mana bilangan perkataannya tidak kurang daripada 40 patah perkataan.

أ اكتب عن هذا الرسم ما لا يقل عدد كلماته عن ٤٠ كلمة في فقرة واحدة .



[١٠ درجات]

[10 Markah]

Jawapan:

Gambar ini menceritakan tentang kewajipan anak terhadap ibu bapa. Islam telah menggesa umatnya agar memuliakan kedua ibu bapa mereka, sebagaimana firman Allah SWT: “Dan Kami perintahkan kepada manusia supaya memuliakan ibu bapanya.” Sebagai contoh, daripada gambar ini boleh kita katakan antara tanggungjawab anak-anak terhadap ibu bapa mereka, **pertama** sekali, anak-anak perlu membantu ibu bapa mereka pada setiap masa atau tempat. **Kedua**, anak-anak juga mesti mematuhi perintah mereka dan mendengar nasihat mereka. Oleh itu, kita kena hormat ibu bapa, kerana keredhaan Allah terletak pada redha ibu bapa.

الإجابة:

هذه الصورة تحكي لنا عن واجبات الأبناء نحو الوالدين. لقد حث الإسلام على المسلمين أن يبروا والديهم كما قال الله تعالى: ﴿ووصينا الإنسان بوالديه﴾. فمثلاً، من هذه الصورة نستطيع أن نقول من واجبات الأبناء نحو الوالدين، أولاً على الأبناء أن يساعدوا والديهم في كل وقت أو مكان. وثانياً على الأبناء أيضاً أن يطيعوا أوامرهما و أن يستمعوا إلى نصيحتهما. لذلك علينا أن نحترم والدينا لأن رضا الله في رضا الوالدين.

CARO NOK REKO KARANGAN LAGU NI

- 1- Baca dulu weh soalan tu phtu pehe soalan
- 2- Bilo pehe soalan mako demo pun tahu soalan tu nok gapo
- 3- Pahtu reko soalan2 kait dgn kehendak soalan tu ... 5,6 @ 7 soalan mudoh2....
- 4- Reko soalan tu dlm bahaso Arab ... mudah nok buat ayat...
- 5- Pahtu ... try jwb soalan hok demo reko huduh2 tu
- 6- Akhir sekali ... buat jwpan tu dlm bentuk satu perenggang.

Contoh Soalan rekoan....

1. Mengapakah bersukan/ bersenam itu penting dalam kehidupan manusia?

J - Bersukan itu penting dalam kehidupan manusia Untuk kesihatan badan dan minda.

2. Apa kata orang bijak pandai tentang kesihatan tubuh badan dan minda.

J - Orang bijak berkata: "Akal yang cerdas terletak pada tubuh yang sihat".

3. Bila seseorang itu bersenam? Di mana dia bersenam? Dengan siapa dia bersenam?

J - Seseorang itu bersenam ketika waktu pagi atau petang pada hujung minggu atau cuti.

Seseorang itu bersenam di taman atau di tepi tasik bersama keluarga, anak-anak dan rakan-rakan.

4. Sebutkan tiga jenis sukan.

J - Antaranya ada yang berjoging/berlari di laluan khas di taman.

Ada yang melakukan senaman kecergasan secara kumpulan.

Kanak-kanak pula bermain berbagai permainan seperti bermain buaian.

5. Apa perasaan seseorang bila bersenam?

J - Ketika bersenam seseorang itu berasa gembira dan ceria.

6. Apa yang seseorang itu lakukan selepas penat bersukan/bersenam?.

J - Selepas penat bersukan/bersenam, mereka berehat di bangku yang disediakan, minum air dan melihat pemandangan yang indah.

١- لماذا الرياضة ضرورية في حياة الإنسان؟

ج- الرياضة ضرورية في حياة الإنسان لصحة الأبدان والعقول.

٢- ماذا قال الحكماء عن صحة الأبدان والعقول.

ج- قال الحكماء : "العقل السليم في الجسم السليم".

٣- متى يمارس الناس الرياضة؟ وأين يمارسها؟ ومع من يمارسها؟.

ج- *يمارس الناس الرياضة كل صباح ومساء في نهاية الأسبوع أو العطلة.

*يمارسها في الحديقة أو جانب البحيرة مع أسرهم وأولادهم وأصدقائهم.

٤- اذكر ثلاثة من أنواع الرياضة.

ج- *بعضهم يجرون على الطريق الخاص في الحديقة

*وبعض الآخر يقومون بممارسة اللياقة البدنية بشكل جماعي.

*الأولاد والبنات يلعبون الألعاب المختلفة منها التارجح

٥- ماذا يشعر الناس حين يمارس الرياضة؟

ج- يشعر الناس حين يمارس الرياضة بالسرور والفرح والسعادة.

٦- ماذا يفعل الناس بعد تعبهم من الرياضة ؟

ج- بعد تعبهم من الرياضة بإمكانهم الاستراحة على المقعد المعد ويشرب الماء وينظر إلى مناظر الجميلة.


Soalan Bahagian (ج) –

Soalan (أ) Karangan Pendek

Contoh Jawapan:

1. Tulis karangan pendek berdasarkan gambar berikut, di mana bilangan perkataannya tidak kurang daripada 40 patah perkataan.

أ اكتب عن هذا الرسم ما لا يقل عدد كلماته عن ٤٠ كلمة في فقرة واحدة .



[10 darjah]

[١٠ درجات]

Jawapan:

الإجابة:

Sukan adalah penting dalam kehidupan manusia untuk kesihatan badan dan minda, sebagaimana yang dikatakan oleh bijak pandai: "Minda yang sihat berada pada tubuh yang sihat." Orang ramai bersenam setiap pagi dan petang di taman atau tepi tasik bersama keluarga, anak dan rakan mereka pada hujung minggu atau hari cuti. Ada di antara mereka yang berjoging di laluan khas di taman dan ada yang melakukan senaman kecergasan secara kumpulan. Manakala kanak-kanak pula, mereka bermain pelbagai permainan antaranya bermain buaian dengan seronok dan gembira sambil diawasi oleh ibu bapa. Selepas penat bersukan, mereka berehat di bangku yang disediakan sambil membaca surat khabar

إن الرياضة ضرورية في حياة الإنسان لصحة الأبدان والعقول كما قال الحكماء: "العقل السليم في الجسم السليم". يمارس الناس الرياضة كل صباح ومساء في الحديقة أو جانب البحيرة مع أسرهم وأولادهم وأصدقائهم في نهاية الأسبوع أو العطلة. بعضهم يجرون على الطريق الخاص في الحديقة وبعض الآخر يقومون بممارسة اللياقة البدنية بشكل جماعي. أما الأولاد والبنات فهم يلعبون الألعاب المختلفة منها التارجح بالسرور والفرح والسعادة مع مراقبة الأباء والأمهات. وبعد تعبهم من الرياضة بإمكانهم الاستراحة على المقعد المعد ويقرؤون الجريدة.